

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD
ABDULLAH [MUKAH]**

TARIKH : 9.6.2014

SOALAN :

Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah bangunan gantian baru SRK Kampong Tanam Dalat dapat di bina kerana telah ditangguh dulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi projek gantian penuh SRK Kampong Tanam Dalat dalam Rolling Plan ke-4 bagi pelaksanaan tahun 2015. Hal ini demikian kerana permohonan pada tahun 2014 tidak diluluskan.